

07 OCT 2002

DEMOKRASI BOLEHKAN PERALIHAN KEPIMPINAN SECARA TERATUR - NAJIB

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Demokrasi membolehkan peralihan dalam kepimpinan secara teratur kerana ia memberikan rakyat kuasa untuk memilih dan menukar pemimpin mereka, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

"Dalam sebuah demokrasi, rakyat mempunyai kuasa untuk memilih dan menukar pemimpin mereka. Inilah yang sebenarnya semangat demokrasi," katanya.

Bagi bakal pengganti, mengikut tradisi sebenar Asia, kata Najib "mereka harus bersabar, terus setia terhadap kepimpinan, terus menghormati pemimpin dan ahli politik yang lebih tua, memupuk cita-cita dan yang paling penting merendah hati."

Semasa berucap mengenai "Kepimpinan dan Pengganti" pada Sidang Kemuncak Forum Ekonomi Dunia Asia Timur di sini, beliau berkata bagi menanam keyakinan orang ramai dan pelabur, pengganti pemimpin seharusnya menunjukkan semangat kukuh mengekalkan kestabilan, kesinambungan, pergantungan dan konsisten dalam dasarnya.

Malaysia, katanya, mempunyai rekod baik dari segi peralihan kepimpinan politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil alih daripada Tun Hussein Onn dalam suasana paling tenang dan dalam masa terdekat ini, beliau akan digantikan dalam cara yang sama oleh pengganti yang telah dinamakannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, katanya.

"Ini adalah ciri kestabilan Malaysia," kata Najib.

-- BERNAMA

MAD WNZ AHH RON